

18/03/1998

Malaysia mahu tubuh AEUniC

Mohd Fuad Razali

MALAYSIA akan menubuhkan Pusat Universiti Asia Eropah (AEUniC) bagi memperkembangkan hubungan yang sedia wujud antara universiti di Asia dan Eropah, tidak lama lagi.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pusat itu akan berfungsi bagi menggubal program Pengajian Eropah di Asia serta menjadi pusat rangkaian maklumat bagi kegiatan yang membabitkan perhubungan antara universiti di kedua-dua benua.

Sehubungan itu, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membentangkan konsep penubuhan AEUniC di Mesyuarat Asia Eropah Kedua (Asem II) yang dijadualkan berlangsung di London, bulan depan.

"Idea penubuhan pusat itu tercetus dalam perbincangan yang dilakukan sebagai susulan kepada Mesyuarat Asia Eropah yang pertama (Asem I) yang berlangsung di Bangkok, Thailand dua tahun lalu.

"Jika Asem menerima konsep ini, perbincangan akan dibuat mengenai pembiayaannya dan menjadi pusat yang mendapat pengiktirafan semua negara Asia dan Eropah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Universiti Asia-Eropah '98 di ibu negara, semalam.

Forum empat hari itu adalah anjuran Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia, Kementerian Pendidikan, Suruhanjaya Eropah serta Pusat Penyelidikan Antara Universiti Mengenai Negara Membangun (CIRPS) Universiti Rom.

Najib berkata, penubuhan pusat itu penting bagi mengembangkan program Pengajian Eropah di Malaysia serta meningkatkan bilangan pakar dalam bidang berkenaan di negara ini.

Selain itu, katanya, AEUniC juga dapat berfungsi bagi menjalankan kegiatan seperti seminar, dialog dan forum yang menggalakkan lagi hubungan kerjasama antara universiti di Asia dan Eropah.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas lanjut mengenai penubuhan pusat itu sehingga Asem II membuat keputusan mengenainya.

"Negara lain di Eropah juga ada mengambil inisiatif yang sama dengan menubuhkan pusat yang serupa. Kita berharap kerjasama seperti ini akan berjalan lancar.

"Menerusi pusat ini kita bukan sahaja boleh mengkaji mengenai sejarah dan perkembangan Eropah tetapi juga pelbagai bidang lain mengenai benua itu, termasuk perniagaan, bahasa dan alam sekitar," katanya.

Sewaktu Asem I, Dr Mahathir mengumumkan universiti Malaysia akan melaksanakan program pertukaran Asia Eropah yang bertujuan meningkatkan kajian mengenai Asia di Eropah serta Eropah di Asia, pertukaran pakar dan ahli akademik serta pertukaran pelajar antara kedua-dua benua.

Mengenai forum itu, Najib berkata, pakar pendidikan tinggi yang menghadirinya akan berbincang secara mendalam untuk mencari konsep serta langkah yang lebih berkesan bagi meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua benua.

(END)